



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

21 - 23 FEBRUARI 2026 (SABTU - ISNIN)

Sistem Pawah Moden Bantu Warga Bandar Jadi Penternak

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|---------|---------|--------------|--------|
| BERNAMA | Am | Dalam Talian | 23 Feb |



PUTRAJAYA, 23 Feb (Bernama) -- Malaysia bebas daripada penyakit Nipah dan situasi itu sentiasa dipantau dan dipelihara melalui langkah pencegahan serta kesiapsiagaan berterusan, menurut Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

DVS dalam kenyataan hari ini memaklumkan sebagai agensi bertanggungjawab terhadap kesihatan haiwan dan pencegahan penyakit zoonotik, ia sentiasa menjalankan pemantauan berterusan dan bekerjasama rapat dengan agensi

berkaitan bagi memastikan status bebas Nipah negara terus terpelihara.

“DVS mengambil maklum mengenai kejadian wabak penyakit Nipah yang dilaporkan berlaku melibatkan manusia di West Bengal, India baru-baru ini dan sentiasa berada dalam keadaan berjaga-jaga serta berwaspada bagi mencegah sebarang risiko kemasukan dan penularan penyakit itu ke negara ini,” menurut DVS.

DVS memaklumkan tindakan pemantauan dilaksana melalui aktiviti surveilan

tahunan yang dijalankan dalam babi domestik dan babi hutan untuk pengesanan awal kewujudan penyakit, dan pada tahun lepas lebih 2,000 sampel babi domestik dan 48 sampel babi hutan diuji dan semuanya menunjukkan keputusan negatif virus Nipah.

DVS juga mengawal import daging babi dari luar negara, iaitu hanya negara yang bebas Nipah dibenarkan eksport ke Malaysia.

Virus Nipah adalah penyakit zoonotik berjangkit yang berpunca daripada haiwan kepada manusia dan kelawar buah (flying fox) dikenal pasti sebagai perumah semula jadi virus ini manakala ternakan babi berperanan sebagai perumah pengganda (amplifying host) dengan jangkitan dalam populasi babi boleh meningkatkan risiko penularan virus kepada manusia dan haiwan lain.

Tanda klinikal penyakit Nipah pada babi yang dijangkiti merangkumi gejala pernafasan seperti batuk, sesak nafas dan lelehan hidung, demam, kurang selera makan, terketar-ketar dan sawan serta kadar jangkitan yang tinggi dalam ladang walaupun kadar kematian mungkin rendah hingga sederhana.

Sehubungan dengan itu, DVS

menyeru penternak babi supaya sentiasa berwaspada, terutamanya jika ladang berhampiran dengan dusun buah-buahan atau mempunyai pokok buah-buahan di dalam atau sekitar kawasan ladang yang boleh menarik kehadiran kelawar untuk mendapatkan makanan.

Penternak turut dinasihatkan memastikan amalan biosekuriti ladang berada pada tahap yang tinggi dan melaporkan segera kepada pihak DVS sekiranya terdapat sebarang tanda penyakit yang mencurigakan pada ternakan.

“Penyakit Nipah adalah penyakit wajib lapor di Malaysia dan orang awam dinasihatkan tidak panik, mendapatkan maklumat daripada sumber rasmi dan tidak menyebarkan maklumat tidak sah,” menurut DVS.

DVS turut menyeru semua pihak khususnya penternak agar sentiasa peka terhadap perkembangan semasa penyakit haiwan dan melaporkan segera sebarang tanda klinikal kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar berhampiran atau melalui talian hotline 03-8870 2041.-

[BERNAMA](#)

Malaysia Bebas Penyakit Nipah, Situasi Sentiasa Dipantau - DVS

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|-------------|----------|--------------|--------|
| Astro Awani | Malaysia | Dalam Talian | 23 Feb |



Virus Nipah adalah penyakit zoonotic berjangkit yang berpunca daripada haiwan kepada manusia dan kelawar buah dikenal pasti sebagai perumah semula jadi virus ini manakala ternakan babi berperanan sebagai perumah penganda. – Gambar hiasan

PUTRAJAYA: Malaysia bebas daripada penyakit Nipah dan situasi itu sentiasa dipantau dan dipelihara melalui langkah pencegahan serta kesiapsiagaan berterusan, menurut Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

DVS dalam kenyataan hari ini memaklumkan sebagai agensi bertanggungjawab terhadap kesihatan haiwan dan pencegahan penyakit zoonotik, ia sentiasa menjalankan pemantauan

berterusan dan bekerjasama rapat dengan agensi berkaitan bagi memastikan status bebas Nipah negara terus terpelihara.

“DVS mengambil maklum mengenai kejadian wabak penyakit Nipah yang dilaporkan berlaku melibatkan manusia di West Bengal, India baru-baru ini dan sentiasa berada dalam keadaan berjaga-jaga serta berwaspada bagi mencegah sebarang risiko kemasukan dan penularan penyakit itu

ke negara ini,” menurut DVS.

DVS memaklumkan tindakan pemantauan dilaksanakan melalui aktiviti surveilans tahunan yang dijalankan dalam babi domestik dan babi hutan untuk pengesanan awal kewujudan penyakit, dan pada tahun lepas lebih 2,000 sampel babi domestik dan 48 sampel babi hutan diuji dan semuanya menunjukkan keputusan negatif virus Nipah.

DVS juga mengawal import daging babi dari luar negara, iaitu hanya negara yang bebas Nipah dibenarkan eksport ke Malaysia.

Virus Nipah adalah penyakit zoonotik berjangkit yang berpunca daripada haiwan kepada manusia dan kelawar buah (flying fox) dikenal pasti sebagai perumah semula jadi virus ini manakala ternakan babi berperanan sebagai perumah pengganda (amplifying host) dengan jangkitan dalam populasi babi boleh meningkatkan risiko penularan virus kepada manusia dan haiwan lain.

Tanda klinikal penyakit Nipah pada babi yang dijangkiti merangkumi gejala pernafasan seperti batuk, sesak nafas dan lelehan hidung, demam, kurang selera makan, terketar-ketar dan sawan serta kadar jangkitan yang tinggi dalam

ladang walaupun kadar kematian mungkin rendah hingga sederhana.

Sehubungan dengan itu, DVS menyeru penternak babi supaya sentiasa berwaspada, terutamanya jika ladang berhampiran dengan dusun buah-buahan atau mempunyai pokok buah-buahan di dalam atau sekitar kawasan ladang yang boleh menarik kehadiran kelawar untuk mendapatkan makanan.

Penternak turut dinasihatkan memastikan amalan biosekuriti ladang berada pada tahap yang tinggi dan melaporkan segera kepada pihak DVS sekiranya terdapat sebarang tanda penyakit yang mencurigakan pada ternakan.

“Penyakit Nipah adalah penyakit wajib lapor di Malaysia dan orang awam dinasihatkan tidak panik, mendapatkan maklumat daripada sumber rasmi dan tidak menyebarkan maklumat tidak sah,” menurut DVS.

DVS turut menyeru semua pihak khususnya penternak agar sentiasa peka terhadap perkembangan semasa penyakit haiwan dan melaporkan segera sebarang tanda klinikal kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar berhampiran atau melalui

talian hotline 03-8870 2041.-
ASTROAWANI

Malaysia Bebas Penyakit Nipah, Situasi Sentiasa Dipantau - DVS

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|-------------|----------|--------------|--------|
| Astro Awani | Malaysia | Dalam Talian | 23 Feb |



Gambar hiasan

Putrajaya: Malaysia bebas daripada penyakit Nipah dan situasi itu sentiasa dipantau dan dipelihara melalui langkah pencegahan serta kesiapsiagaan berterusan, menurut Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

DVS dalam kenyataan hari ini memaklumkan sebagai agensi bertanggungjawab terhadap kesihatan haiwan dan pencegahan penyakit zoonotik, ia sentiasa menjalankan pemantauan berterusan dan bekerjasama rapat dengan agensi

berkaitan bagi memastikan status bebas Nipah negara terus terpelihara.

"DVS mengambil maklum mengenai kejadian wabak penyakit Nipah yang dilaporkan berlaku membabitkan manusia di West Bengal, India baru-baru ini dan sentiasa berada dalam keadaan berjaga-jaga serta berwaspada bagi mencegah sebarang risiko kemasukan dan penularan penyakit itu ke negara ini," menurut DVS.

DVS memaklumkan tindakan

pemantauan dilaksanakan melalui aktiviti surveilans tahunan yang dijalankan dalam babi domestik dan babi hutan untuk pengesanan awal kewujudan penyakit, dan pada tahun lepas lebih 2,000 sampel babi domestik dan 48 sampel babi hutan diuji dan semuanya menunjukkan keputusan negatif virus Nipah.

DVS juga mengawal import daging babi dari luar negara, iaitu hanya negara yang bebas Nipah dibenarkan eksport ke Malaysia.

Virus Nipah adalah penyakit zoonotik berjangkit yang berpunca daripada haiwan kepada manusia dan kelawar buah (flying fox) dikenal pasti sebagai perumah semula jadi virus ini manakala ternakan babi berperanan sebagai perumah pengganda (amplifying host) dengan jangkitan dalam populasi babi boleh meningkatkan risiko penularan virus kepada manusia dan haiwan lain.

Tanda klinikal penyakit Nipah pada babi yang dijangkiti merangkumi gejala pernafasan seperti batuk, sesak nafas dan lelehan hidung, demam, kurang selera makan, terketar-ketar dan sawan serta kadar jangkitan yang tinggi dalam ladang walaupun kadar kematian mungkin rendah hingga sederhana.


Sehubungan dengan itu, DVS menyeru penternak babi supaya sentiasa berwaspada, terutamanya jika ladang berhampiran dengan dusun buah-buahan atau mempunyai pokok buah-buahan di dalam atau sekitar kawasan ladang yang boleh menarik kehadiran kelawar untuk mendapatkan makanan.

Penternak turut dinasihatkan memastikan amalan biosekuriti ladang berada pada tahap yang tinggi dan melaporkan segera kepada pihak DVS sekiranya terdapat sebarang tanda penyakit yang mencurigakan pada ternakan.

"Penyakit Nipah adalah penyakit wajib lapor di Malaysia dan orang awam dinasihatkan tidak panik, mendapatkan maklumat daripada sumber rasmi dan tidak menyebarkan maklumat tidak sah," menurut DVS.

DVS turut menyeru semua pihak khususnya penternak agar sentiasa peka terhadap perkembangan semasa penyakit haiwan dan melaporkan segera sebarang tanda klinikal kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar berhampiran atau melalui talian hotline 03-8870 2041.-MYMETRO

| Malaysia Remains Nipah-Free | | | |
|-----------------------------|---------|--------------|--------|
| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
| Business Today | News | Dalam Talian | 23 Feb |



Gambar hiasan

Malaysia continues to remain free of the Nipah virus, the Department of Veterinary Services (DVS) confirmed today, amid reports of human cases in West Bengal, India.

DVS, the agency responsible for animal health and the prevention of zoonotic diseases, said it is maintaining heightened vigilance to prevent the entry and spread of the virus in the country.

“Malaysia is currently free from Nipah, but we remain alert and cautious to prevent

any risk of introduction and transmission,” the department stated.

The agency conducts continuous monitoring through annual surveillance in domestic and wild pigs, testing for early signs of the virus.

In 2025, over 2,000 domestic pig samples and 48 wild pig samples were tested, all yielding negative results. DVS also regulates pork imports, allowing only products from Nipah-free countries.

Flying foxes have been identified as the natural host of the virus, while pigs serve as amplifying hosts, which could increase transmission risks to humans and other animals if biosecurity measures are not strictly enforced.

DVS is strengthening preparedness measures, including surveillance of flying fox populations. The department highlighted clinical signs of Nipah in pigs, which may include respiratory issues such as coughing and nasal discharge, fever, lethargy, loss of appetite, neurological symptoms including uncoordinated movement, tremors and seizures and high infection rates in farms even if mortality remains low to moderate.

Farmers are advised to remain alert, particularly those with orchards nearby and to minimise factors that attract bats, maintain high biosecurity standards and report any suspicious illness among livestock.

“Nipah is a notifiable disease in Malaysia. All farmers and the public must report any suspected cases to DVS immediately,” the department emphasised.

DVS assured the public that Malaysia’s Nipah-free status

is actively monitored and protected through ongoing prevention and preparedness efforts and urged people to rely on official sources for information.

The department also encouraged stakeholders, especially pig farmers, to stay informed about developments in animal diseases and report any clinical signs to the nearest Veterinary Services Office or via the hotline.-

[BUSINESSTODAY](#)

Sistem Pawah Moden Bantu Warga Bandar Jadi Penternak

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|---------|---------|--------------|--------|
| BERNAMA | Am | Dalam Talian | 20 Feb |



Bebiri World Berjaya memperkenalkan system pawah moden.

Berminat dalam bidang ternakan, namun tinggal di kawasan bandar menjadi kekangan utama kerana ketiadaan tanah dan persekitaran tidak sesuai untuk berbuat demikian, selain keperluan modal yang tinggi.

Akan tetapi, perkembangan teknologi memungkinkan penduduk bandar untuk turut bergelar penternak tanpa perlu berbelanja besar mencari lokasi bersesuaian untuk membina kandang atau reban. Malah, mereka tidak perlu “mengotorkan” tangan menguruskan haiwan ternakan.

Dikenali sebagai sistem

pawah moden, kaedah ini diperkenalkan oleh sebuah syarikat agroternak milik bumiputera sepenuhnya yang berpangkalan di Muar, Johor dengan ternakan biri-biri sebagai komoditi utama mereka.

TRANSISI TRADISIONAL KE PAWAH MODEN

Diasaskan pada 2021, Bebiri World menawarkan model perniagaan berasaskan sistem pawah tradisional orang Melayu, iaitu pemilik menyerahkan ternakan mereka kepada gembala untuk dijaga dan dibiakkan dengan anak yang lahir dibahagikan antara pemilik dan penggembala.

Bagaimanapun kata Ketua Pegawai Eksekutif Bebiri World Abdullah Muhammad Tajuddin, sistem itu ada kelemahan, khususnya dari segi dokumentasi, kejelasan hak pemilikan dan pengurusan risiko.

Dalam tempoh penyertaan pakej yang disediakan, peserta tetap berpeluang menikmati hasil secara berperingkat melalui beberapa pusingan pengeluaran, dan bukannya sekadar pulangan sekali pusing sahaja.

“Oleh itu, kami perkenalkan model pawah moden atau ‘smart breeder’ dengan peranan dibahagikan secara jelas. Pihak kami selaku pemilik induk, bertanggungjawab terhadap operasi ladang, meliputi pemakanan, penjagaan kesihatan, rawatan dan lain-lain.

“‘Smart breeder’ tidak perlu terlibat dalam operasi harian atau pengurusan teknikal ladang, tetapi hanya selaku pemilik ternakan yang lahir daripada induk milik kami, bermakna mereka tidak perlu menanggung kos operasi induk,” jelasnya ketika dihubungi Bernama.

Mengulas lanjut, usahawan berusia 36 tahun ini berkata risiko yang ditanggung peserta pula biasanya terhad

pada prestasi pembiakan.

“Sekiranya berlaku kematian induk, ternakan peserta akan digantikan sepenuhnya oleh pihak syarikat tanpa mereka perlu buat sebarang tuntutan insurans,” katanya, menambah setiap pakej penyertaan meliputi tempoh lapan hingga 10 tahun, mengambil kira kitaran biologi biri-biri.

“Dalam tempoh tersebut, peserta tetap berpeluang menikmati hasil secara berperingkat melalui beberapa pusingan pengeluaran, dan bukannya sekadar pulangan sekali pusing sahaja,” jelas beliau.

Menurutnya, sistem itu juga memberi peluang peserta meraih manfaat berterusan, sama ada menjual sebahagian ternakan kepada pihak luar, menurunkan kepada generasi berikutnya atau membawa balik ke rumah sendiri.

Malah, katanya, ada peserta yang pada asalnya bermula tanpa kandang, mampu membina kandang dan menternak sendiri secara bebas selepas beberapa tahun menyertai pakej Bebiri World.

**MANFAATKAN SISTEM
DIGITAL, PENGURUSAN
RISIKO**

Menurut Abdullah Muhammad, dalam tempoh empat tahun sejak penubuhannya, Bebiri World berkembang daripada hanya 27 ekor biri-biri milik keluarganya kepada lebih 1,800 ekor dengan penyertaan hampir 800 “smart breeder”.

“Majoriti peserta tidak pernah menjejakan kaki di ladang. Malah sebahagiannya menetap di luar negara seperti Singapura, Australia dan New Zealand,” katanya, menambah setakat ini, syarikatnya menguruskan empat kandang sendiri serta empat kandang transit di Parit Sulong, Batu Pahat dan Bukit Naning, Muar.

CEO Bebiri World, Abdullah Muhammad Tajuddin sedang merangka hala tuju jangka panjang Bebiri World bagi memacu perkembangan ekosistem agro negara, termasuk pembangunan agropelancongan berasaskan penternakan biri-biri di Kundasang, Sabah, dalam tempoh lima hingga tujuh tahun lagi.

Menurut Abdullah Muhammad, pertumbuhan tersebut bukan sekadar didorong oleh pertambahan fizikal ternakan, sebaliknya berpaksikan pada sistem pengurusan yang tersusun dan telus.

“Kunci kejayaan terletak pada penggunaan sistem digital yang membolehkan setiap ‘smart breeder’ memantau ternakan pada masa nyata,” jelasnya.

Melalui portal yang boleh diakses setiap peserta, mereka boleh menyemak maklumat lengkap ternakan masing-masing termasuk tarikh lahir, status kesihatan, rawatan veterinar, pembiakan serta rekod kematian. Sistem ini membolehkan pemilik memantau prestasi ternakan tanpa perlu hadir secara fizikal di ladang.

Bebiri World juga katanya memanfaatkan teknologi kecerdasan buatan yang disepadukan dengan prosedur operasi standard biosekuriti bagi memantau ternakan, termasuk membuat ramalan tahap kesihatan dan prestasi pembiakan.

KRISIS PENYAKIT DAN UJIAN KETAHANAN OPERASI

Mengakui industri penternakan sentiasa terdedah kepada risiko biologi yang sukar dijangka, usahawan ternak ini berkata ujian terbesar buat Bebiri World berlaku antara September hingga November 2025 apabila mereka mengesan kehadiran wabak

brucellosis, iaitu sejenis penyakit akibat jangkitan bakteria, di ladang.

“Insiden itu menyebabkan lebih 300 ekor biri-biri terpaksa dikorbankan selepas diuji positif. Semua ternakan yang dilupuskan itu digantikan semula,” katanya dan menambah insiden turut melumpuhkan sementara operasi syarikat dan ladang perlu menjalani pemantauan ketat oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) sebelum dibenarkan beroperasi semula.

“Alhamdulillah, proses pemulihan masih lagi dijalankan, dengan trend penurunan kes positif yang memberangsangkan, menunjukkan ladang semakin hampir mencapai status bebas penyakit tidak lama lagi,” jelas beliau penuh kelegaan.

PELBAGAIKAN SUMBER PENDAPATAN

Menjalankan perniagaan itu tanpa kemudahan kewangan daripada institusi perbankan, Abdullah Muhammad berkata mereka bergantung sepenuhnya pada kebijaksanaan barisan peneraju syarikat dalam menguruskan aliran tunai.

“Banyak perniagaan agro gagal bukan kerana hasil ternakan berkurang, tetapi

kerana berkembang terlalu cepat tanpa sistem sokongan yang kukuh,” jelasnya, sambil menambah syarikat kini mampu menjana pendapatan sekitar RM5 juta setahun hasil jualan pakej pawah moden.

Bagi mereka yang menetap di bandar dan langsung tiada pengalaman menternak, inovasi sistem pawah moden berjaya mengubah cara mereka melihat sektor pertanian dan penternakan negara.

Mengulas cabaran pada fasa awal penubuhan, beliau berkata kos paling membebankan ialah pembelian baka berkualiti, terutamanya baka import, diikuti pembangunan infrastruktur dan kandang, manakala kos makanan dan kesihatan ternakan hanya dapat dikawal melalui SOP dan biosekuriti awal.

“Oleh itu, saya banyak menggunakan modal sendiri dan pendekatan berperingkat dengan fokus menjual konsep, visi dan pakej ‘Smart Breeder’ bagi menjana tunai. Bahkan pulangan pertama hanya diperoleh dalam tempoh lapan ke 12 bulan kemudian, itupun hanya dapat dicapai menerusi pengurusan aliran tunai yang ketat dan pembangunan secara bertahap,” kongsi.

Dalam mendepani tekanan akibat “cash conversion cycle (satu tempoh masa untuk menukar pelaburan menjadi wang tunai), beliau turut mempelbagaikan sumber pendapatan, termasuk pembukaan rumah sembelih di Paya Mengkuang selain menyusun jadual pembiakan dan jualan secara strategik.

Mengenai perancangan masa depan, Abdullah Muhammad sedang merangka hala tuju jangka panjang Bebiri World bagi memacu perkembangan ekosistem agro negara, termasuk pembangunan agropelancongan berasaskan penternakan biri-biri di Kundasang, Sabah, dalam tempoh lima hingga tujuh tahun lagi.

Model ini katanya mengambil inspirasi daripada destinasi seperti Desa Dairy Farm, dengan fokus pada pendidikan keluarga, lawatan ladang dan pendedahan kepada pelaksanaan sistem biosekuriti moden.

“Dengan sokongan aliran pelancong antarabangsa, khususnya dari China dan Korea melalui penerbangan terus ke Kota Kinabalu, potensi pendapatan harian dianggarkan antara RM7,000 hingga RM14,000. Lebih penting, inisiatif ini menjadikan penternakan platform pendidikan, kesedaran keselamatan

makanan dan meningkatkan keyakinan pelancong terhadap produk agro tempatan,” katanya.

PERANAN KEWANGAN DAN EKOSISTEM INDUSTRI

Dalam konteks industri yang lebih luas, cabaran yang dihadapi pemain penternakan ruminan kecil seperti Bebiri World sebenarnya mencerminkan realiti struktur sektor ini secara keseluruhan. Penternakan ruminan kecil memerlukan pelaburan awal yang signifikan, merangkumi pembelian baka, pembinaan infrastruktur kandang serta kos penjagaan kesihatan ternakan.

Presiden Kumpulan Agrobank Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata tempoh matang ternakan yang lazimnya mengambil masa enam hingga 12 bulan menyebabkan pulangan kewangan tidak dapat direalisasikan dalam tempoh singkat.

Presiden Kumpulan Agrobank Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata semua pihak perlu memainkan peranan sama penting dalam menyokong agenda keterjaminan makanan negara, khususnya dalam mengurangkan

kebergantungan Malaysia terhadap daging import.

Keadaan ini sekali gus meningkatkan risiko aliran tunai, khususnya bagi penternak kecil yang bergantung sepenuhnya pada hasil jualan ternakan untuk membayar komitmen pembiayaan.

Menurutnya, faktor inilah yang turut menyumbang kepada kesukaran sektor tersebut menarik penyertaan orang awam walaupun potensinya besar dalam agenda keterjaminan makanan negara.

Persepsi modal permulaan yang tinggi, pulangan lambat serta kekurangan pengetahuan dan kemahiran teknikal menyebabkan ramai, khususnya golongan belia dan orang bekerjaya, masih ragu-ragu untuk menceburi bidang penternakan secara serius.

Sehubungan itu, pihaknya melihat inovasi tempatan dan model berasaskan komuniti sebagai antara pendekatan terbaik demi mengurangkan risiko sektor pertanian dan penternakan.

“Model seperti kluster penternakan (sekumpulan penternak beroperasi dalam satu ekosistem) dan kewujudan koperasi membolehkan risiko operasi,

pasaran dan kewangan dikongsi secara kolektif. Ia membantu meningkatkan skala ekonomi, memperkukuh rangkaian bekalan dapat mengurangkan kadar kegagalan projek,” katanya.

Kolaborasi erat antara institusi kewangan yang menawarkan pembiayaan fleksibel dan sokongan bukan kewangan seperti latihan, bimbingan teknikal dan pemantauan projek; agropreneur yang menggerakkan inovasi; serta komuniti yang bertindak sebagai rakan kongsi dengan cara berkongsi sumber dan mengurus risiko secara kolektif akan membolehkan pembangunan sektor penternakan dipercepat.

“Semua pihak perlu memainkan peranan sama penting dalam menyokong agenda keterjaminan makanan negara, khususnya dalam mengurangkan kebergantungan Malaysia pada daging import.

“Oleh itu, melalui pelaburan berterusan dalam ladang berskala komersial, pemprosesan hiliran dan logistik rangkaian sejuk, kita dapat meningkatkan kapasiti pengeluaran domestik serta memastikan bekalan yang kekal konsisten dan berkualiti,” katanya.-

[BERNAMA](#)

Penduduk Kampung Bantah Permohonan KDCA Peroleh Tanah

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|---------------|---------|--------------|--------|
| Daily Express | News | Dalam Talian | 20 Feb |



Setiausaha Agung KDCA Datuk Suman Yasambun dalam kenyataan baru-baru ini, berkata tapak yang dipertikaikan telah diwartakan sebagai Rizab Veterinar Sabah dan bukan Rizab Kampung Anak Negeri seperti yang didakwa.

Kota Kinabalu: Penduduk Kampung Minintod mengadakan perhimpunan aman pada 17 Feb bagi membantah permohonan Persatuan Kebudayaan Kadazan Dusun (KDCA) untuk memperoleh 30 ekar tanah berhampiran.

Penduduk dari kawasan sekitar, termasuk Kampung Bantayan dan Sukang Mabpai turut menyuarakan bantahan, mendakwa KDCA merampas tanah kampung anak negeri. Persatuan itu

bagaimanapun menafikan dakwaan tersebut.

Setiausaha Agung KDCA Datuk Suman Yasambun dalam kenyataan baru-baru ini, berkata tapak yang dipertikaikan telah diwartakan sebagai Rizab Veterinar Sabah dan bukan Rizab Kampung Anak Negeri seperti yang didakwa.

“Status tanah kekal sebagai Rizab Veterinar dan bukan Rizab Kampung. Tiada keperluan untuk demonstrasi

... sila datang dan saya akan tunjukkan semua dokumen berkaitan,” katanya.

Beliau berkata proses permohonan telah melalui saluran kerajaan yang sewajarnya sejak 1988, termasuk kelulusan Ketua Menteri, dan kini persatuan hanya menunggu maklum balas rasmi daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah sebelum Jabatan Tanah dapat meneruskan proses seterusnya.

Tambahnya, semua Ketua Kampung yang terlibat sedia maklum mengenai perkara itu dan kekeliruan sepatutnya tidak timbul.

Menurut KDCA, asal usul permohonan itu bermula pada 12 Mac 1988 apabila persatuan dibenarkan melalui Resolusi P.9114 oleh Pemegang Amanah Rizab Amanah Anak Negeri untuk menduduki dan menggunakan sebahagian daripada kawasan seluas 30 ekar, tertakluk kepada pengesahan rasmi. Resolusi itu ditandatangani oleh Ketua Kampung yang terlibat pada masa berkenaan.

Perkara itu kemudian dimuktamadkan pada 14 Mei 1994 apabila mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Koisaan di Hongkod Koisaan meluluskan penerimaan tawaran pemberian hak milik

30 ekar tanah kepada KDCA.

Resolusi berkenaan ditandatangani bersama kepimpinan KDCA dan disaksikan wakil dipilih serta pemimpin komuniti tempatan.

Suman berkata Kerajaan Negeri sejak itu memberi maklum balas positif terhadap permohonan berkenaan, tertakluk kepada ulasan Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang masih belum mengemukakan maklum balas rasmi.

“Proses permohonan telah melalui saluran rasmi sejak 1988, termasuk kelulusan Ketua Menteri tertakluk kepada ulasan Jabatan Veterinar. Kini kami hanya menunggu maklum balas jabatan itu bagi membolehkan Jabatan Tanah meneruskan proses,” katanya.

KDCA akan mengadakan mesyuarat bersama tiga Ketua Kampung yang terlibat pada 20 Feb dan menggesa mereka meneliti penjelasan berdasarkan dokumen rasmi.

KDCA, sebuah organisasi bukan politik yang memperjuangkan kebajikan, warisan dan kepentingan komuniti Kadazandusun, berkata semua keputusan berkaitan tanah dibuat melalui mesyuarat rasmi

dengan persetujuan pemimpin komuniti serta disokong Ketua Kampung ketika itu dan diproses melalui saluran sah Kerajaan Negeri.

Persatuan itu turut menggesa semua pihak supaya tidak menyebarkan maklumat tidak disahkan dan meminta mereka yang ingin mendapatkan penjelasan supaya berhubung secara langsung dan rasmi bagi mengelakkan andaian yang boleh menjejaskan keharmonian komuniti.-

[DAILYEXPRESS](#)

KDCA Nafi Dakwaan Rampas Tanah, Tegaskan Status Rizab Veterinar di Minintod

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|------------|--------------|--------------|--------|
| Sabah News | Berita Sabah | Dalam Talian | 18 Feb |



PENAMPANG: Persatuan Kebudayaan Kadazan Dusun (KDCA) menafikan dakwaan kononnya berlaku penindasan atau rampasan tanah di Kampung Minintod dan kawasan sekitarnya, termasuk Kampung Bantayan serta Sukang Mabpai.

Setiausaha Agung KDCA, Datuk Suman Yasambun menegaskan, tanah seluas kira-kira 30 ekar yang dipersoalkan masih berstatus Rizab Veterinar Sabah dan bukannya rizab perkampungan orang asal

seperti yang didakwa.

“Status tanah ini masih Rizab Veterinar dan bukan Rizab Kampung. Proses permohonan telah melalui saluran rasmi sejak 1988 dan kini hanya menunggu maklum balas jabatan berkaitan.”

“Tidak perlu demonstrasi, datang berjumpa kami dan kami akan tunjukkan dokumen rasmi,” katanya dalam kenyataan media hari ini.

Kenyataan itu susulan

dakwaan tular di media sosial oleh penduduk Kampung Bantayan yang mempersoalkan penandaan kawasan berkenaan sebagai tanah KDCA serta membantah sebarang pengambilan tanpa rundingan telus.

Menurut Suman, rekod resolusi menunjukkan pada 1988 KDCA dibenarkan menduduki dan menggunakan sebahagian kawasan tersebut tertakluk kepada penyukatan rasmi, dengan sokongan ketua-ketua kampung ketika itu.

Pada 1994 pula, mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Koisaan meluluskan penerimaan tawaran pemberian milik 30 ekar berkenaan kepada KDCA.

Beliau berkata, permohonan rasmi telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri termasuk mendapat pertimbangan Ketua Menteri, namun masih tertakluk kepada ulasan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan proses jabatan tanah.

“Semua keputusan dibuat melalui mesyuarat rasmi, disokong pemimpin masyarakat dan diproses mengikut saluran sah Kerajaan Negeri. Dakwaan bahawa KDCA merampas atau menindas masyarakat adalah tidak tepat dan

bercanggah dengan fakta dokumentasi rasmi,” tegasnya.

KDCA turut menyeru semua pihak agar tidak menyebarkan maklumat yang belum disahkan serta mengutamakan perbincangan rasmi bagi mengelakkan kekeliruan dan ketegangan dalam kalangan masyarakat.

Terdahulu, seorang penduduk Joevellysia Joseph melalui perkongsiannya di media sosial mendakwa bahawa perkara itu mengejutkan semua penduduk kampung yang sudah menetap di kawasan itu sejak zaman nenek moyang mereka lagi.

Menurutnya, dia selalu nampak kisah tular mengenai tanah kampung yang alami masalah serupa.

“Ini kali terkena pada diri sendiri, di kampung sendiri. Bertahun-tahun tinggal di kampung ini, di Kampung Bantagan Inanam berhiran pula dengan Kampung Minintod @ Melintud dan juga Kampung Sukang Mabpai,” katanya.-

[SABAHNEWS](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR